

# RETORIK

## 1. PENGENALAN

- ISTILAH *retorik* berasal daripada perkataan Greek, **tenhne rhetorike** yang bermaksud “*art of speech*”, ertinya “seni berpidato”.
- Pada mulanya retorik merupakan disiplin tentang kemahiran berucap (*public speaking*). Walaupun begitu, perkembangan retorik membolehkan disiplin itu dikaji juga dalam konteks penulisan, yang bermaksud “*art of writing*”<sup>1</sup>.
- Retorik dianalisis atau dicerakin mengikut perkataan, ayat dan perenggan untuk mencapai kesan yang maksimum.

## 2. KONSEP RETORIK

- Retorik ialah **kajian tentang teknik pemakaian bahasa secara berkesan dalam penulisan atau pertuturan**
- Retorik juga **seni menggunakan atau memakai bahasa yang indah dan menarik untuk memujuk atau mempengaruhi pemikiran pendengar.**<sup>2</sup>

## 3. JENIS-JENIS RETORIK

### 3.1 Retorik Pemerian

#### (a) Konsep:

- Pemerian disebut juga **pelukisan** – memberikan gambaran visual tentang sesuatu dengan menggunakan kata-kata.
- Pemerian ialah proses memindahkan pengamatan dan pemerhatian kepada khalayak.
- Retorik ini berhubung dengan pemerihalhan sesuatu objek atau perkara dengan penjelasan atau huraian dengan lengkap sebagaimana kewujudan atau keadaannya yang sebenar.
- Dengan penjelasan dan huraian yang jelas, khalayak dapat membayangkan sesuatu yang digambarkan seperti khalayak melihat atau mengalaminya sendiri.

#### (b) Ciri:

- Pemerian dilakukan secara tepat, jelas dan objektif.
- Ketika memerikan sesuatu, pemerik tidak memasukkan emosi atau pandangan sendiri.

---

<sup>1</sup>Mohd Sidin Ahmad Ishak. *Ketrampilan Menulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (1992:1-2)

<sup>2</sup>*Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (1997:1135)

- Gambaran dilakukan secara realististik – menggunakan fakta yang konkrit, dan juga secara impresionistik – melalui cetusan imaginasi khalayak.
- Penyampaian secara deskriptif (= secara huraian) dan informatif (= bersifat pemberitahuan).

Temannya saya, Shaharin Ismail, masih bujang, berusia pertengahan 20-an, mempunyai paras seperti seorang bintang filem China. Kulitnya putih, tingginya 1.7 meter, dan beratnya 68 kilogram. Rambutnya ikal, sentiasa disikat dengan rapi mengikut fesyen rambut Mahmud Jun. Ketika berjalan, langkahnya nampak yakin dan tidak terburu-buru.

### 3.2 Retorik Pemujukan

#### (a) Konsep:

- Retorik pemujukan merupakan **retorik pengaruh**.
- Pemujukan digunakan untuk **mengubah pemikiran, kepercayaan dan perlakuan pihak yang menjadi sasaran**.
- Retorik pemujukan boleh terdiri daripada **pemujukan rasional** dan **pemujukan tidak rasional**.
- Pemujukan rasional **bersifat intelek**, lebih dikenali sebagai **penghujahan**, sebaliknya pemujukan tidak rasional **bersifat emosi**, dikenali sebagai **pemujukan emotif**.
- Retorik pemujukan lebih dimaksudkan kepada pemujukan tidak rasional atau pemujukan beremotif.
- Terdapat tiga bentuk pemujukan emotif:
  - **Pemujukan satira** – dengan cara membodoh-bodohkan atau mengejek-ejek sesuatu atau seseorang
  - **Pemujukan eulogi** – bentuk bahasa yang memujuk emosi yang lebih tinggi dan mulia, seperti cinta akan negara, rasa hormat akan maruah diri, rasa ingin mencapai kecemerlangan, dan sebagainya seperti pembacaan pujian dan jasa tokoh-tokoh dalam majlis penyampaian anugerah
  - **Pemujukan patos** – digunakan untuk tujuan khusus, misalnya mencetuskan rasa belas kasihan atau simpati supaya pihak sasaran memberikan sokongan.

#### (b) Ciri:

- Pemujukan ini **merayu atau memainkan perasaan** (gembira, duka, gerun, rasa bersalah, belas kasihan, marah, cinta, benci, dan sebagainya). Dengan memainkan perasaan itu, kepercayaan dan kelakuan pendengar atau pembaca diharapkan dapat berubah.

#### **Perasaan takut:**

Jikalau adik tidak mahu mandi, nanti anjing gila akan menggigit punggung adik.

#### **Perasaan benci:**

“Kita semua mesti membantah rancangan itu. Jalan raya itu dibina melalui tanah milik kita. Tidakkah sakit hati kita melihat orang lain senang-senang lalu di situ setiap masa, sedangkan tanah itu milik kita?”

- Pemujukan menjadi alat untuk menentang kerelaan seseorang kerana sering terdapat semacam paksaan secara halus.
- Unsur-unsur ini lazim terdapat dalam **iklan, perhubungan awam, dan kempen politik.**
- Pujukan menggunakan **bahasa halus dan manis** dengan **selitan unsur psikologi** untuk menarik dan mempengaruhi sasaran.
- Menggunakan banyak **kata penguat**, seperti **sangat berkesan, lebih tinggi mutunya, sungguh jimat dan mengujakan**, dan sebagainya.
- Dalam iklan, selalu **wujud propaganda** ketika mempromosikan produk masing-masing, seperti **membuat bandingan dengan barangan atau perkhidmatan lain**, yang selalunya menggambarkan produk sendiri lebih bagus.

### 3.3 Retorik Penceritaan

#### (a) Konsep:

- Retorik penceritaan digunakan **untuk menyampaikan cerita atau kisah**, tentang peristiwa atau kejadian.
- Seringnya digunakan dalam penulisan prosa seperti cerpen, novel, autobiografi, biografi, hikayat, diari, drama, lipur lara, dan contoh berbentuk cerita dalam wacana tertentu.
- Penceritaan terbahagi kepada:
  - **Penceritaan fakta** – memaparkan kebenaran sesuatu atau menjelaskan realiti
  - **Penceritaan fiksiyen** – menggambarkan kebenaran universal berdasarkan ilusi dan imaginasi

#### (b) Ciri:

- Penceritaan memberi penekanan kepada **peristiwa** dengan susunan atau plot yang rapi dan teliti.
- Retorik penceritaan harus mempunyai **permulaan, konflik, klimaks (kemuncak) dan pengakhiran.**
- Penceritaan selalunya berdasarkan prinsip kesatuan, pertautan, penekanan dan penggunaan gaya bahasa yang sesuai.

Boleh dikatakan saya menggunakan sebahagian besar masa saya di Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain itu, saya selalu berlegar-legar di kedai-kedai buku, muzium, Arkib Negara, universiti-universiti dan menghadiri pameran seni atau seminar di mana-mana. Jikalau saya ke DBP, biasanya saya tiba di sana pukul 9.00 pagi. Saya menggunakan masa saya untuk berinteraksi dan berbual-bual dengan rakan-rakan. Kemudian saya ke tingkat lima, dan dari sana saya turun dari satu tingkat ke satu tingkat, dari satu meja ke satu meja, hinggalah ke bawah. Saya berbincang tentang seni, sastera dan budaya, tentang buku saya dan berbagai-bagai hal dengan editor, penulis dan siapa sahaja atau menghadiri sesuatu yang dianjurkan di sini.

(Autobiografi A. Samad Said)

### 3.4 Retorik Pendedahan

(a) **Konsep:**

- Retorik ini dikenali juga sebagai **retorik penjelasan**.
- Pendedahan ialah **proses mendedahkan, menghuraikan, menyingkap, dan memaparkan atau menunjukkan sesuatu perkara dengan jelas dan terperinci** supaya pembaca mengetahui dan memahaminya.
- Pendedahan dilakukan secara **pentakrifan, percontohan, pencerakinan, pengelasan, perbandingan, sebab dan akibat**, dan sebagainya.
- Pendedahan merupakan gaya yang biasa digunakan dalam penulisan termasuk pendidikan di dalam bilik darjah.
  - Dalam pengajaran, guru akan mendedahkan, menunjukkan, menghuraikan dan menjelaskan perkara atau ilmu baharu kepada pelajar.
  - Pelajar kerap menggunakan retorik jenis ini ketika menjawab soalan-soalan berbentuk esei, seperti juga yang digunakan dalam majalah yang bercorak pengetahuan dan buku-buku rujukan.

(b) **Ciri:**

- Pendedahan dilaksanakan untuk **memberitahu, menyatakan dan menghuraikan atau menjelaskan sesuatu** perkara secara berkesan.
- Bersifat **objektif, tepat dan jelas**.
- Pendedahan **tidak mengandungi emosi dan pandangan peribadi**.

#### **Pendedahan secara pentakrifan dan pencerakinan.**

Apakah yang dimaksudkan dengan kenal huruf? Setakat ini terdapat berbagai-bagai pengertian yang dikemukakan untuk menerangkan konsep tersebut. Definisi klasik mengenalkan kenal huruf dalam konteks domain budaya tinggi dan tidak mengaitkannya dengan situasi awam. Ada definisi lain yang mengaitkannya dengan aspek kehidupan sehari-harian yang lebih praktis untuk mengakui keperluan sosial yang berubah-ubah.

Pada asasnya kenal huruf dapat dibahagikan kepada tiga jenis. Pertama ialah kebolehan untuk membaca dan menulis iaitu kemahiran yang mesti dipelajari oleh setiap anggota masyarakat jika mereka mahu menceburkan diri dalam bidang pekerjaan yang sederhana dan maju, mendapat layanan serta perlindungan yang adil...

### 3.5 Retorik Penghujahan

(a) **Konsep:**

- Retorik penghujahan merupakan **bentuk pemujukan rasional** atau yang **bersifat intelek**.
- Retorik ini berbeza daripada pemujukan dari segi cara pengaruhan yang dilakukan.
- Pemujukan secara penghujahan memberi peluang kepada khalayak untuk membuat pertimbangan sendiri berasaskan fakta yang dikemukakan.

- Pemujukan dengan mengambil kira pihak yang satu lagi mempunyai pendapat yang perlu dihormati walaupun pihak itu harus dipengaruhi.
- Penghujahan digunakan dalam **perbicaraan, perbahasan, forum**, serta penulisan **kertas kerja, kajian ilmiah, dan tesis**.


**(b) Ciri:**

- Pemujukan dilakukan dengan pemikiran yang **jelas, waras dan logik**.
- Penghujahan dikemukakan dengan **bukti, dalil, dan alasan** yang munasabah dan dapat diterima.
- Tiga unsur penting dalam penghujahan.
  - **Tesis** – dakwaan, pendapat atau idea utama yang hendak dipertahankan.
  - **Premis** - alasan atau bukti yang dikemukakan untuk menyokong atau mempertahankan tesis.
  - **Khalayak** – pihak yang perlu diyakinkan tentang kenyataan tesis.
- Penghujahan dilakukan untuk **meyakinkan khalayak** tentang kebenaran sesuatu.
- Penghujah membenarkan **khalayak membuat pertimbangan dan keputusan sendiri atau bersetuju** berdasarkan fakta yang diberikan. Oleh itu, dalam penghujahan tiada paksaan dan gesaan seperti yang dilakukan oleh pemujukan tidak rasional.

### 3. TEKNIK PENYAMPAIAN IDEA

#### 3.1 Teknik Deduksi


- Teknik deduksi ialah cara penyampaian **yang dimulai dengan pernyataan umum** dan diikuti oleh **pernyataan-pernyataan khusus**.
- Konsep ini berbentuk piramid terbalik
- Contoh penggunaan teknik ini dalam pengajaran dan pembelajaran:
  - Guru mengemukakan sesuatu yang bersifat **generalisasi** (umum) kemudian bergerak kepada contoh khusus, dan seterusnya beralih kepada kesimpulan.
  - Pelajar memulakan perenggan sesuatu esei dengan **isi utama** sebagai permulaan, diikuti **isi sokongan**, iaitu **huraian dan contoh**.
- Oleh itu, permulaan sesuatu wacana hanya pernyataan am, dan diikuti dengan bentuk khusus, iaitu huraian atau penjelasan yang boleh berupa fakta yang terdiri daripada bukti dan contoh.



**Banyak kemalangan di jalan raya terjadi disebabkan oleh pengguna sendiri.** Daripada laporan yang disiarkan melalui media massa didapati kemalangan berpunca daripada pemanduan laju yang mengakibatkan kenderaan tidak dapat dikawal dengan baik apabila berlaku sesuatu masalah. Kenderaan yang tidak diselenggarakan dengan baik juga menjadi puncanya, seperti kerosakan brek yang menyebabkan kenderaan tidak dapat dihentikan dan melanggar objek atau kenderaan lain. Selain itu, pejalan kaki didapati tidak menggunakan jejantas ketika menyeberangi jalan kerana ingin cepat sampai tetapi dilanggar oleh kenderaan yang sedang dipandu dengan laju.

### 3.2 Teknik Induksi

- Induksi ialah kaedah penyampaian maklumat yang **dimulai dengan pernyataan khusus** dan **diakhiri dengan pernyataan umum** (generalisasi).
- Maksudnya, penulis atau penutur akan mengemukakan **isi huraian terlebih dahulu**, manakala **isi utama dinyatakan pada bahagian akhir perenggan**.



*Kami terpaksa meredah hutan dan cerun beberapa kali. Hal ini sungguh meletihkan kami. Kaki saya meleceh dan perlu bergerak perlahan dan berhati-hati. Hampir sehari suntuk kami berjalan barulah kami sampai ke situ. Sesungguhnya, **perjalanan untuk sampai ke tempat itu sangat sukar.***

### 3.3 Teknik Analogi

- *Analogi* ialah teknik penyampaian dengan membuat kias atau perbandingan yang memperlihatkan ciri-ciri persamaan.<sup>3</sup>
- Analogi memperlihatkan cara mengusulkan sesuatu gagasan secara perbandingan dengan sesuatu perkara lain yang memiliki kaitan yang rapat, yang dapat mengukuhkan usul dan diyakini oleh khalayak.

Kita percaya pasukan hoki negara memiliki kemampuan untuk muncul sebagai pasukan terbaik dalam pertandingan di peringkat Asia Tenggara dan Asia. Keyakinan itu berdasarkan pencapaian baik pasukan tersebut dalam beberapa pertandingan dua tahun kebelakangan.

<sup>3</sup>Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (1997:41-42)

### 3.4 Teknik Eklektik

- Teknik eklektik ialah teknik **menyampaikan wacana dengan menggunakan lebih daripada satu kaedah.**
- Eklektik bermaksud **dipilih atau diperoleh yang terbaik daripada pelbagai sumber yang berlainan**, yang berkaitan dengan idea, gaya, kepercayaan, objek, dan sebagainya.
- Secara mudahnya, ketika menyampaikan sesuatu idea, **penyampai menggunakan gabungan teknik supaya khalayak dapat memahami ideanya.** Contohnya, dia menggunakan teknik deduksi dan induksi. Dengan cara itu, khalayak mungkin memahami ideanya daripada salah satu tekniknya.

<http://dermagabmk1.blogspot.com>